BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAJIAN KES 1

Puan Normala telah dilantik ke skim perkhidmatan Jururawat di Gred U29 mulai 14 Julai 1995 dan ditempatkan di Hospital Sungai Buloh. Beliau telah disahkan dalam perkhidmatan pada 14 Julai 1997. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, Puan Normala telah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG), Cuti Separuh Gaji dan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) berjumlah 2,996 hari seperti perincian berikut:

Bil.	Kenyataan Cuti	Jumlah Hari
1.	Cuti Tanpa Gaji : 15.06.1997 hingga 15.07.1997	31
2.	Cuti Tanpa Gaji : 15.12.2003 hingga 15.02.2004	63
3.	Cuti Belajar Bergaji Penuh (Kursus Pos Basik) : 01.03.2004 hingga 31.08.2004	184
4.	Cuti Tanpa Gaji : 06.02.2006 hingga 25.04.2006	79
5.	Cuti Tanpa Gaji : 12.03.2007 hingga 28.04.2007	48
6.	Cuti Separuh Gaji : 03.09.2007 hingga 31.12.2007	120
7.	Cuti Tanpa Gaji : 28.01.2008 hingga 13.02.2008	17
8.	Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan : 14.02.2008 hingga 26.03.2008	42
9.	Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak : 26.05.2008 hingga 26.05.2012	1,462
10.	Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak : 27.05.2012 hingga 19.06.2012	24
11.	Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan : 20.06.2012 hingga 01.01.2015	926

Puan Normala kini bertugas di Hospital Putrajaya. Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuka iklan pemangkuan Jururawat Gred U29 ke Gred U32 dan Gred U29/U32/U36 ke Gred U42 secara berasingan pada 01.08.2017 yang lalu dan tutup iklan pada 31.08.2017. Puan Normala telah mengemukakan permohonan pemangkuan bagi kedua-dua gred jawatan tersebut.

Soalan:

1. Senaraikan jenis tempoh perkhidmatan yang tidak boleh diambil kira dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat.

2. Bilakah tarikh sebenar Puan Normala genap tempoh perkhidmatan untuk diperakukan kenaikan pangkat ke Gred U32 secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK) 13 Tahun?

3. Sekiranya Puan Normala mempunyai ijazah dalam bidang yang berkaitan dan syarat-syarat bagi urusan pemangkuan Jururawat Gred U29/U32/U36 ke Gred U42 menetapkan penyandang di Gred U29 hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 13 tahun, adakah Puan Normala layak diberi pertimbangan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat?

4. Puan Normala disenaraikan sebagai calon yang berjaya dalam urusan pemangkuan ke Gred U36 dan calon simpanan dalam urusan pemangkuan ke Gred U42, beliau menerima pemangkuan ke Gred U36 dan semasa dalam tempoh pemangkuan di Gred U36, beliau telah ditawarkan pemangkuan ke Gred U42. Bolehkah Puan Normala menerima pemangkuan di Gred U42? Bilakah tarikh kenaikan pangkat ke Gred U42?

Jawapan:

1. Pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Denda
   Cuti Tanpa Gaji kecuali Cuti Belajar
   Cuti Separuh Gaji kecuali Cuti Belajar
   Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran
   Mengambil cuti rehat melebihi kelayakan

2. Tarikh lantik di Gred U29 : 14.07.1995
   Tarikh genap 13 tahun berkhidmat : 14.07.2008
   Tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira : 2,812 hari (2,996 hari – CBPP 184 hari)
   Tarikh sebenar genap tempoh TBK 13 tahun: 26.03.2016

3. Layak dipertimbangkan kerana Puan Normala telah berkhidmat sekurang-

kurangnya 13 tahun di Gred U29 pada tarikh buka iklan pemangkuan Jururawat ke Gred U42.
Tarikh lantik di Gred U29 : 14.07.1995
Tarikh genap 13 tahun berkhidmat : 14.07.2008
Tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira : 2,812 hari (2,996 hari – CBPP 184 hari)
Tarikh genap 13 tahun berkhidmat yang melayakkan : 26.03.2016
Tarikh buka iklan : 01.08.2017
Tarikh tutup iklan : 31.08.2017

4. Boleh, dengan syarat beliau mesti melepaskan pemangkuan di Gred U36 terlebih dahulu dan terus melaporkan diri bagi penempatan di Gred U42. Tarikh kenaikan pangkat Puan Normala adalah pada tarikh mula memangku di Gred U42.

Sumber rujukan:

1. P.U.(A) 1/2012 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2013 - Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan
4. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 – Kesan ke atas Perkhidmatan bagi Pegawai yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji